



کفن کی واپسی

Kembalinya ke Kafan

Dengan Keberkatan Rajab-ul-Murajjab



Shaykh-e-Tariqat Amir-e-Ahl-e-Sunnat,

Pengasas Dawat-e-Islami Allamah Maulana Abu Bilal رحمۃ اللہ علیہ

Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi



M Teruskan Menonton
adani Channel



گفن کی واپسی

Kembalinya ke Kafan

Buki kecil ini mula-mula dipersembahkan oleh Majlis Al-Madinat-ul-Ilmia ke dalam Bahasa Urdu. Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami) telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang kesilapan di dalam penterjemahannya ataupun dari segi karyanya, sila hubungi Majlis Penterjemahan supaya beroleh pahalanya.

DiKelolakan Oleh:

Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami), Maktaba-tul-Madina
Pusat Antarabangsa Madani, Faizan-e-Madina, Muhalla Sodagran,
Old Sabzi Mandi, Bab-ul-Madina, Karachi, Pakistan
Contact #: +92-21-34921389 to 93,34126999
Faks:+92-21-34125858
translation@dawateislami.net,
maktabaglobal@dawateislami.net,
www.dawateislami.net

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ط وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ ط
أَقَابَعْدُ فَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ط بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ط

Kembalinya ke Kafan

Pada suatu masa dahulu, seorang wanita tinggal di Basra. Apabila hampir menuju ke saat ajalnya, dia mewasiatkan kepada anak terunanya, “Anakku, kafankanlah ibu nanti dengan pakaian yang selalu ibu pakai ketika beribadah di sepanjang bulan Rajab yang diberkati.” Sewaktu wanita itu meninggal dunia, jenazahnya dikafankan dengan kain lain. Setelah pulang dari kubur, anaknya terkejut melihat kain kafan jenazah aruah ibunya berada di rumah sedangkan pakaian ibunya yang diwasiatkan menjadi kain kafan tidak kelihatan! Tiba-tiba, kedengaran satu suara berkata, “Ambillah kain kafanmu ini. Kami telah mengkafkannya (dengan kain kafan berupa pakaian ibadah yang diwasiatkannya). Tidaklah kami membiarkan roh-roh orang yang berpuasa di bulan Rajab sewaktu hidupnya, bersemadi di dalam kesedihan di alam kuburnya.” (*Nuzah-tul-Majaalis, VI, MS 155*)

Kembangan Bunga-bunga Rajab

Hujjah-tul-Islam Sayyidina Imam Muhammad Ghazali رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ berkata di dalam kitab ‘Mukashafa-tul-Quloob’ “Pada asalnya,

perkataan Rajab dipetik daripada perkataan تَرْجِيب (Tarjeeb), bermaksud ‘memuliakan’. Ianya turut disebut الْأَصْب (Al-Asab), (maksudnya deras mengalir), kerana di dalam bulan diberkati ini, rahmatNya ibarat membanjiri mereka yang bertaubat dengan begitu deras sekali. Di ketika itu, cahaya keredhaan Ilahi turun dari langit bagi menerangi mereka yang khusyuk beribadah di bulan tersebut. Ianya juga bergelar الْأَصْم (Al-Asam) (ertinya paling pekak) kerana sepanjang bulan ini, segala suara dan bunyi ala peperangan serta peralatan peranganya langsung tidak kedengaran. Sebuah lagi namanya ialah رَجَب (Rajab) kerana di dalam syurga nanti mengalir sebuah sungai bernama Rajab. Warna airnya adalah lebih putih daripada air susu, manisnya lebih terasa daripada madu dan ianya lebih sejuk daripada salji. Hanya orang-orang yang tetap taat berpuasa di bulan Rajab sahajalah yang meminum airnya kelak.” (*Mukashifa-tul-Quloob, MS 301*)

Disebut di dalam kitab Ghunya-tut-Talibeen bahawa bulan ini dipanggil شَهْرِ رَجْم (Shahr-e-Rajam) kerana pada bulan ini syaitan di baling batu bagi menghalang mereka dari menganiayai kaum muslimin. Bulan diberkati ini juga disebut الْأَصْم (Al-Asam) (terlalu pekak) kerana belum pernah kedengaran berkenaan penghukuman Allah عَزَّوَجَلَّ terhadap sesebuah negara berlaku di bulan tersebut sepertimana Allah عَزَّوَجَلَّ melaksanakan hukumanNya di waktu-waktu selain daripada bulan Rajab. (*Ghunya-tut-Talibeen, MS 229*)

'Tiga Huruf' Rajab

اَسْبِخْنَ اللّٰهَ عَزَّوَجَلَّ! Wahai saudara muslimin! Perkara apakah dapat dikatakan tentang kebaikan bulan Rajab diberkati! Tersebut di dalam 'Mukashifa-tul-Quloob' bahawa para ulamak terdahulu رَحِمَهُمُ اللّٰهُ تَعَالَى berkata, "Perkataan 'Rajab' mempunyai tiga huruf, 'ر' (Ra), 'ج' (jim) dan 'ب' (Ba) Maksud 'ر' (Ra) adalah 'Rahmat-e-Ilahi' (Rahmat Allah عَزَّوَجَلَّ), huruf 'ج' (jim) maksudnya 'Jurm' (jenayah) dilakukan seseorang dan huruf 'ب' (Ba) maksudnya 'Birr' (kebaikan). Umpamanya, Allah عَزَّوَجَلَّ berfirman, "Letakkanlah hamba-hambaku berkedudukan di tengah, antara rahmatku dan kebaikanKu." (*Mukashifa-tul-Quloob, MS 301*)

Bulan Bagi Semaian Benih

Sayyidina Allama Saffauri رَحِمَهُ اللّٰهُ تَعَالَى عَلَيْهِ berkata, "Rajab-ul-Murajjab adalah bulan bagi semaian benih-benih, Sha'baan-ul-Mu'azzam ialah bulan menyiramkannya dan Ramadhan-ul-Mubarak adalah bulan menuai hasil semaian. Apabila seseorang itu tiada menyemaikan benih-benih amal ibadah dalam dirinya di bulan Rajab dan tidak pula menyiramkannya dengan air mata keinsafan, bagaimanakah dia hendak mengharapkan kerahmatan daripada hasil penuaiannya?" Selanjutnya, beliau berkata, "Bulan Rajab menyucikan jasad, Sha'ban menyucikan hati dan Ramadhan menyucikan rohani." (*Nuzha-tul-Majaalis, VI, MS 155*)

صَلَّى اللّٰهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Sungai Di Syurga

Sayyidina Anas bin Malik رضي الله تعالى عنه menceritakan bahawa kekasih Allah عز وجل berkata, Sesungguhnya ada sebuah sungai di Syurga bernama ‘Rajab.’ Keputihan airnya lebih daripada airusu dan kemanisannya melebihi madu. Barang siapa berpuasa sekali di bulan ‘Rajab’, nescaya Allah عز وجل mengizinkan hambaNya menghilangkan dahaganya dengan meminum dari air sungai tersebut. (*Shu'abul-Imaan, V3, MS 368, Hadis 3800*)

Mahligai Tersergam Indah Di Syurga

Tabi'ee Sayyidina Abu Qilaba رضي الله تعالى عنه berkata, “Barangsiapa berpuasa di bulan Rajab, disediakan baginya sebuah mahligai tersergam indah di Syurga kelak.” (*Shu'abul-Imaan, V3, MS 368, Hadis 3802*)

Lima Malam-malam Diberkati

Sayyidina Abu Umaama رضي الله تعالى عنه berkata bahawa Junjungan Besar Baginda Rasulullah صلی الله تعالى علیه وآله وسلم bersabda, “Ada lima malam di mana segala do'a tidak akan ditolak:-

1. Malam pertama Rajab,
2. Hari ke-15 Sha'baan,
3. Malam di antara Khamis dan Jumaat,
4. Malam Aid-il-Fitri dan,
5. Malam Aid-il-Adha.” (*Al Jami-as-Sagheer, MS 241, Hadith 3952*)

Sayyidina Khalid bin Ma'daan رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ berkata, “Pada lima-lima malam tertentu dalam setahun, barang siapa bersaksikan dirinya pada malam-malam tersebut beribadah dengan niat untuk menikmati segala kemenafaatannya, maka Allah عَزَّوَجَلَّ akan memasukkannya ke dalam Syurga:-

1. Malam pertama Rajab, (beribadah pada malamnya serta berpuasa pada siangya).
2. Dan
3. Kedua-dua malam Aid (Aid-il-Fitri dan Aid-il-Adha) beribadah pada malamnya tetapi pada siangya (Tidak dibenarkan sesiapa berpuasa pada kedua-dua hari Aid).
4. Malam ke-15 bulan Sya'ban (beribadah pada malamnya dan berpuasa pada keesokan harinya) dan
5. Malam Assyura(malam ke-10 Muharram-ul- Haraam); (beribadah pada malamnya dan berpuasa pada esok siangya). (*Ghunya-tut-Talibeen, MS 236*)

صَلُّوا عَلَى الْكَافِرِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Puasa Di Hari Pertama Rajab Mengampunkan

3 Tahun Dosa Lalu

Sayyidina Abdullah ibn Abbas رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمَا bercerita bahawa Junjungan Besar Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Barangsiapa berpuasa pada hari pertama Rajab dia akan

mendapat pengampunan ke atas 3 tahun dosa-dosanya yang lalu, berpuasa di hari kedua pula mendapat keampunan 2 tahun dosa-dosa lalu dan berpuasa di hari ketiga mendapat keampunan 1 tahun dosa-dosa lalu dan berpuasa pada hari-hari berikutnya di bulan Rajab mendapat keampunan bagi 1 bulan dosa-dosa lalu.” (*Al Jami-as-Sagheer, MS 311, Hadith 5051*)

Merebut Keberkatan Rahmatnya

Sayyidina Usman bin Matar رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ bercerita bahawa Junjungan Besar Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Rajab merupakan bulan mulia. Allah عَزَّوَجَلَّ melipat gandakan dua kali pahalanya di bulan tersebut. Barangsiapa berpuasa satu hari di bulan Rajab, seolah-olah dia telah berpuasa selama satu tahun dan barangsiapa berpuasa selama tujuh hari, ditutupkan ketujuh-tujuh pintu Neraka daripadanya. Berang siapa berpuasa selama 8 hari, dibukakan ke lapan-lapan pintu Syurga untuknya dan barangsiapa berpuasa selama 10 hari, Allah عَزَّوَجَلَّ memakbulkan segala permintaannya. Barangsiapa berpuasa selama 15 hari, satu suara dari langit berkata-kata, “Sesungguhnya telah diampunkan segala dosa-dosamu yang lalu maka hendaklah kamu memperbaharui tekadmu membuat kebaikan.” Barangsiapa melipatgandakan amalannya, Allah عَزَّوَجَلَّ melipatgandakan ganjaran yang dikurniakanNya. Sesungguhnya, Allah عَزَّوَجَلَّ telah meletakkan Nabi Nuh عَلَيْهِ السَّلَام berlayar di dalam bahteranya pada bulan Rajab dan Nabi Nuh عَلَيْهِ السَّلَام telah berpuasa sambil menyeru kepada pengikut-pengikutnya berpuasa bersama-samanya.” (*Mu’jam Kabir, V6,MS 69, Hadith 5538*)

Pahala Memelihara Satu Kali Puasa

Sayyidina Sheikh Abdul Haq Muhaddith Dehlevi رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menyebutkan bahawa Junjungan Besar Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Rajab merupakan di antara bulan-bulan paling suci dan jumlah hari-hari terkandung di dalamnya terukit di pintu Syurga ke-enam. Barangsiapa berpuasa satu hari di bulan tersebut sambil berniat penuh ketaatan serta keredhaan kepada Allah عَزَّوَجَلَّ, maka pintu Syurga ke enam dan hari tersebut (hari dia berpuasa) memohonkan keredhaan baginya kehadhrat Allah عَزَّوَجَلَّ yang berada di ArasyNya sambil berkata, “Ya Allah عَزَّوَجَلَّ, kurniakanlah keredhaanMu ke atas hambamu ini!” Barangsiapa gagal berpuasa serta beramal ibadah dengan penuh ketaatan serta keredhaan kehadhrat Allah عَزَّوَجَلَّ maka pintu Syurga dan hari tersebut itu tidak membelanya untuk mendapat keredhaanNya. Sebaliknya, mereka berkata, Wahai hamba Allah عَزَّوَجَلَّ. Kamu dikhianati oleh nefsumu sendiri.” (*Maa’sabata bis’sunnah, MS 342*)

Wahai saudara muslimin! Melalui pembelajaran dari pembacaan ini kita semua sediamaklum bahawa tujuan kita berpuasa bukanlah semata-mata menahan diri dari lapar dan dahaga, tetapi adalah lebih penting bagi kita memelihara kedua tangan dan kaki dari berbuat dosa. Amat rugi besar jika puasa itu diiringi dengan perbuatan dosa sekali.

صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Puasa Di Hari Ke-27 Diampunkan 10 Tahun Dosa-Dosa Lalu

Ala Hadarat Imaam Ahmad Raza Khan رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ berkata bahawa di dalam “Fawaid-e-Nihaad” Sayyidina Anas رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ bercerita bahawa Junjungan Besar Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Sesungguhnya telah diangkatkan darjatku menjadi Rasul pada 27 Rajab. Barangsiapa berpuasa pada hari tersebut lalu berdosa pada waktu Iftaar, nescaya diampunkan baginya 10 tahun dosa-dosa lalu.” (*Fatawa-e-Razaviya, V4, MS 58*)

Ganjaran Pahala 60 Bulan

Sayyidina Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ berkata, “Barangsiapa berpuasa pada 27 Rajab, dia dikurniakan ganjaran puasanya sebesar 60 bulan puasa (5 tahun) dan Malaikat Jibra’il عَلَيْهِ السَّلَامُ telah turun ke bumi membawa tanda kerasulan Baginda Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pada hari tersebut.” (*Tanzee-hush-Shariah, V2, MS 161*)

Ganjaran Pahala 100 Tahun Puasa

Sayyidina Salman Farsi رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ menceritakan bahawa Junjungan Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Pada bulan Rajab ada satu hari dan satu malam dan barangsiapa berpuasa pada siang hari tersebut dan berdiri teguh (beribadah) pada malam hari tersebut, seolah-olah dia telah berpuasa selama 100 tahun. Hari yang dimaksudkan itu ialah 27 Rajab. Inilah hari yang menandakan kekasih Allah عَزَّوَجَلَّ diangkatkan

darjatnya kepada kerasulan.” Besar. (*Shu'bul-Imaan*, V 3, MS 374, *Hadith 3811*)

Pahala Meringankan Kesusahan Orang Lain

Sayyidina Abdullah ibn Zubair رضي الله تعالى عنه menceritakan, “Barangsiapa merengankan kesusahan orang pada bulan Rajab, maka Allah عَزَّوَجَلَّ mengurniakan baginya ganjaran berupa sebuah mahligai di Syurga, besar dan luasnya adalah sejauh pandangan mata. Hormatilah bulan Rajab dengan kemuliaan dan Allah akan memuliakan kamu berlipatganda beribu kali lebih dari itu.” (*Ghunya-tut-Talibeen*, MS 234)

Syarat-syarat Doa Dimakbulkan

Sayyidina Anas bin Malik رضي الله تعالى عنه meriwayatkan bahawa Rasul Uluwa ‘Azmi Terbesar صلى الله تعالى عليه وآله وسلم, bersabda, “Pada bulan Rajab ada satu malam dan barangsiapa membuat kebaikan pada malam tersebut, dia akan menerima ganjaran berlipatganda 100 tahun kebaikan dan malam tersebut ialah 27 Rajab Barangsiapa bersolat 12 rakaat, membaca Surah ‘Al-Fatihah’ satu kali pada setiap rakaat diikuti dengan satu Surah lain, ‘Attihyyat’ pada setiap dua rakaat dan selepas memberikan salam ke-kanan dan ke-kiri, dia membaca سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ 100 kali, beristighfar 100 kali, Durood Shareef 100 kali, kemudian memohon doa meminta sesuatu yang dihajatkan (kemenfaatan di dunia dan kesejahteraan di akhirat) kepada Allah عَزَّوَجَلَّ seterusnya berpuasa pada keesokkan harinya, nescaya Allah عَزَّوَجَلَّ dengan penuh

keredhaanNya menerima serta memakbulkan kesemua doa-doa tersebut kecuali yang berniat melakukan dosa.” (*Shu'bul-Imaan, V 3, MS 374, Hadith 3812*)

Wahai saudara muslimin! Perhatikanlah ke-empat-empat sangat mulia di sisi Allah عَزَّوَجَلَّ, sebagaimana firmanNya di dalam Surah At-Taubah:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ ۗ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٢٦﴾

Tafsiran terjemahannya oleh Kanzul-Imaan berbunyi:

Sesungguhnya, Allah عَزَّوَجَلَّ telah menentukan ada sebanyak dua belas bulan yang terbentang di hadapanNya di dalam Kitabullah bermula sejak Dia menciptakan langit dan bumi, empat yang paling suci di antaranya; inilah agama yang lurus; janganlah kamu melakukan kesalahan terhadap dirimu sendiri pada bulan-bulan tersebut; dan hendaklah kamu menentang golongan polytheists yang sentiasa bertentangan denganmu; dan ketahuilah sesungguhnya bahawa Allah عَزَّوَجَلَّ berserta dengan orang-orang yang sentiasa bertaqwa kepadaNya. (*Ayat ke-36, Surah At-Taubah, Bahagian 10*)

Wahai saudara muslimin! Di dalam ayat-ayat suci Al-Quran tadi, tafsirannya menerangkan bahawa di dalam taqvim Hijrah terdapat 12 bulan dan setiap bulan mengandungi 29 atau 30 hari dan permulaan hari pertama setiap bulan bermula

setelah anak bulan (hilal) kelihatan ketika matahari terbenam menerusi sistem pencerapan atau rukyah. Perundangan Syariah Islam turut berpandukan bulan-bulan di dalam taqvim Hijrah. Contohnya, berpuasa pada bulan Ramadhan, Zakat, Ibadah Haji dan sebagainya. Sambutan Aid-il-Fitri, Aid-il-Adha, Isra' Mikraj, Shab-e-Bara'at, Gyarveen Shareef, Hari Mengingati Roh Para Wali dan sebagainya diamalkan menurut bulan-bulan taqvim Hijrah. Pada hari ini, keadaan begitu menyedihkan kerana sebilangan besar golongan kaum muslimin dibelenggu kelalaian tethadap sunnah-sunnah; termasuk juga tentang tarikh-tarikh penting dalam sejarah mengikut taqvim Hijrah kalendar Islam. Andaikata diadakan suatu perhimpunan secara besar-besaran dipenuhi seramai satu juta kaum muslimin untuk dikemukakan satu soalan mudah seperti, “Apakah tarikh, bulan dan tahun Islam pada hari ini?” sudah pasti hanya sebilangan kecil lebih kurang 100 orang sahaja yang dapat memberikan apannya yang tepat.

Di dalam menerangkan ayat-ayat suci tersebut, Sayyidina Moulana Mufti Naeem-ud-Deen Muraadabaadi رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ menyebutkan di dalam ‘Khazain-ul-Irfaan’, “(Di antara empat bulan-bulan suci tersebut) 3 tersusun rapat iaitu, Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram dan 1 terpisah iaitu Rajab. Sejak zaman jahiliah lagi orang-orang Arab mempercayai bahawa membunuh (berperang) pada bulan-bulan tersebut dilarang keras dan hukumnya adalah Haram. Bagaimanapun, Islam menekankan lebih men-dalam lagi kepentingan dan kesucian bulan-bulan tersebut.”

Peristiwa Mengukuhkan Keimanan

Peristiwa ini berlaku pada zaman Sayyidina Isa bin Maryam عَلَيْهِ السَّلَام. Diceritakan tentang kisah seorang pria terlalu lama mencintai seorang wanita. Akhirnya, suatu hari pria tersebut dapat berjumpa dengan wanita itu. Pria mendapati bahawa kekecohan sedang berlaku di tempat wanita itu berada menunjukkan orang ramai sedang menumpukan pandangan mereka kepada bulan di langit. Dia pun bertanya kepada wanita itu, “Bulan berapakah sedang diperhatikan mereka?” Pria tersebut bukanlah dari kalangan seorang muslimin tetapi apabila mendengar jawabannya, “Rajab” dia terus beredar dari situ serta membatalkan niatnya hendak memperkosai wanita tersebut kerana dia amat menghormati kesucian bulan Rajab. Allah عَزَّوَجَلَّ telah memerintahkan Sayyidina Isa عَلَيْهِ السَّلَام supaya menziarahi pria tadi lalu Sayyidina Isa عَلَيْهِ السَّلَام pun mentaati perintah Allah عَزَّوَجَلَّ dan pergi menziarahi serta menerangkan kepada pria tersebut terhadap perintah Allah عَزَّوَجَلَّ di atas sebad-sebad kedatangannya. Selepas sahaja mendengar penjelasan diberikan, hati pria tersebut diterangi cahaya Nur dan dia pun terus memeluk Islam. (*Anees-ul-Waizeen, MS 177*)

Wahai saudara muslimin! Dapatkah kamu melihat “Kembangan bunga-bunga Rajab?” Seorang kafirin dikurniakan hidayah keimanan tiada ternilai kerana menghormati bulan Rajab. Sudah tentu jika seorang muslimin menghormati bulan Rajab, ganjaran yang akan diterimanya melimpah-limpah dengan kerahmatanNya. Kaum muslimin dituntut supaya menghormati bulan Rajab. Kitab suci Al-Quran melarang sesiapa jua yang

menganiayai dirinya sendiri pada waktu bulan-bulan mulia lagi suci. Penerangan tafsiran *فَلَا تَغْلِبُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ* Tafsiran terjemahannya oleh *Kanzul-Imaan* berbunyi: (Jangan mengkhianati dirimu pada bulan-bulan tersebut). Dan tertulis di dalam Noor-ul-Irfaan; “Janganlah melakukan dosa, terutama pada empat bulan-bulan mulia lagi suci kerana ia tidak lain hanyalah menganiayai dirimu sendiri, (atau) janganlah saling tindas-menindas serta menganiayai sesama sendiri.”

Ganjaran Nilai Kebaikan 2 Tahun

Sayyidina Anas رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ menceritakan bahawa Junjungan Besar Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Barangsiapa berpuasa 3 hari berturut-turut (Khamis, Jumaat dan Sabtu) di dalam bulan-bulan mulia lagi suci, maka fadhilatnya samalah seperti menerima ganjaran nilai kebaikan beribadah selama 2 tahun.” (*Majma'uz Zawaid, V 3, MS 438, Hadith5151*)

Wahai saudara muslimin! Bulan-bulan mulia lagi suci dimaksudkan kepada Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rajab. Sesiapa yang melaksanakan puasa tiga hari berturut-turut bulan-bulan mulia lagi suci tersebut, إِنَّ شَاءَ اللهُ عَزَّوَجَلَّ, dikurniakan nilai kebaikan ganjarannya setimpal dengan ibadah selama 2 tahun.

Gunung Bercahaya

Suatu ketika, Sayyidina Isa bin Maryam عَلَيْهِ السَّلَام sedang berjalan melalui sebuah gunung yang sungguh bercahaya. Lalu dia berdoa kepada Allah عَزَّوَجَلَّ:

“Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Berkatalah gunung ini supaya ia dapat berkatakata.” Lalu gunung itu berkata-kata, “Wahai Rohullah! Apakah keinginanmu?” Jawab Sayyidina Isa عَلَيْهِ السَّلَامُ, “Ceritakanlah tentang keadaanmu.” Gunung menjawab, “Di dalam aku ini ada seorang manusia masih hidup.” Sayyidina Isa عَلَيْهِ السَّلَامُ, pun memohon kepada Allah عَزَّوَجَلَّ, “Izinkanlah aku bertemu dengannya.” Gunung pun terbelah dua dan mencullah seorang beriman yang rupawan dari dalamnya. Orang beriman itu berkata, “Aku adalah pengikut Sayyidina Musa عَزَّوَجَلَّ. Aku telah berdoa kehadhrat Allah عَزَّوَجَلَّ, supaya mengizinkan aku hidup kekal sehingga tiba waktu kedatangannya Rasul dikasihinya صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ agar aku mendapat penghormatan menatap wajahnya, seterusnya menjadi pengikutnya.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ عَزَّوَجَلَّ! Selama 600 tahun berada di dalam gunung ini, aku begitu khusyik bertaquwa kepada Allah عَزَّوَجَلَّ. Lalu Sayyidina Isa عَلَيْهِ السَّلَامُ bertanya kehadhrat Allah عَزَّوَجَلَّ, “Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Adakah sesiap adi atas meka bumi ini yang lebih bermakna bagi Engkau selain daripada orang ini?” Allah عَزَّوَجَلَّ menyeru, “Wahai Isa عَلَيْهِ السَّلَامُ! Barangsiapa saripads ummat Muhammmad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, berpuasa satu hari di bulan Rajab, dia adalah lebih bermakna bagiku daripada orang ini.”
(*Nuzha-tul-Majalis, V 1, MS 155*)

Qafila Madani Di Bawah Jagaan Data Sahib رَحْمَةُ اللهِ عَلَيْهِ

Seorang saudar muslimin bercerita, Qafila Madani pernah berada di dalam Masjid terletaknya makam Data Sahib رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ di

Bandar Markaz-ul-Auliya, Lahore (Pakistan) selama tiga hari. Pada jadualnya ketika itu, kami sibuk mempelajari tentang Sunnah dan sedang duduk di dalam satu bulatan dan tiba-tiba seorang hamba Allah عَزَّوَجَلَّ menghampiri kami dengan perilakunya yang penuh kesopanan terhadap saudara-saudara di dalam Qafila Madani. Orang itu lalu berkata, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Amat beruntunglah nasibku pada malam ini. Huzoor Data Ganj Bakhsh Ali Hajweri رَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰى عَلَيْهِ telah muncul di dalam mimpiku lalu berkata, “Qafila Madani dari Dawat-e-Islami akan bermalam selama 3 hari di Masjid ini. Siapkanlah makanan bagi mereka.” Maka, saya telahpun menyiapkan makanan untuk menyenangkan hati-hati mereka di dalam Qafila Madani. Silakanlah menerima hidangan ini.

Melaksanakan Fikr-e-Madina Setiap Hari

Ini adalah suatu pendekatan daripada huraian yang telah disampaikan oleh seorang saudara muslimin. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ saya amat menyukai Madani In'aamaat dan saya sentiasa melaksanakan Fikr-e-Madina pada setiap hari. Di bawah penyeliaan Dawat-e-Islami, sebuah badan bebas politik yang merupakan pergerakan keagamaan antarabangsa bersandarkan Al-Quran dan Sunnah Rasul serta berpangkalan di Baluchistan (Pakistan), Saya pernah menyertai Ashiqaan-e-Rasool dalam Qafila Madani bertujuan untuk menyebarkan ajaran sunnah-sunnah Rasul. Ketika bersama-sama dengan Qafila ini, Allah عَزَّوَجَلَّ, telah membukakan pintu kerahmatanNya bagi saya yang bergelumang dengan dosa ini. Tatkala tidur di waktu malam,

maka terjadilah di alam mimpi, saya dapat melihat wajah Rasul Khatamun Nabiyyin صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (Rasul Allah yang paling agung). Sedang saya memerhatikan wajahnya, bibir Baginda mulai bergerak-gerak dan sejurus kemudian mengeluarkan biji-biji mutiara daripada dalam mulutnya, “Akanku bawa bersama-samaku masuk ke Syurga mereka yang melaksanakan Fikr-e-Madina setiap hari di dalam Qafila Madani.

صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

أَلْحَدُّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ وَالسَّلَامَةُ وَالسَّلَامَةُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ أَكْفَى عِدَا الْقَوْمِ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Berkat Sunnah

حَلِّ اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ! Sunnah Rasulullah ﷺ diajar dan dipelajari dalam perskitaran Madani **Dawat-e-Islami**, sebuah Pergerakan Quran dan Sunnah antarabangsa yang bukan berunsur politik propaganda. Ijtima mingguan di **Karachi** diadakan setiap Khamis selepas Sembahyang Maghrib di **Faizan-e-Madina**, Mahallah Sodagran, Old Sabzi Mandi. Ini adalah permintaan Madani supaya anda ikut serta dalam Ijtima ini dan cuba bermalam di Faizan-e-Madina.

Jadikanlah ia satu amalan untuk mengembara bersama pencinta-pencinta Rasulullah ﷺ dalam Qafilah Madani sambil menyumbang fikiran untuk mengisi kad harian In'aamaat Madani dan menyerahkannya zimadaar di kawasan anda dalam sepuluh hari pertama setiap bulan berdasarkan kalendar Islam.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ! Dengan Rahmat-Nya kita akan mula bertindak atas Sunnah Rasulullah ﷺ membenci dosa-dosa dan melindungi Iman kita. Setiap saudara-saudara Muslimin hendaklah bertekad bahawa "Saya Akan Berusaha Memperbaiki Diri Sendiri Dan Seluruh Dunia." إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ

Untuk memperbaiki diri, kiti akan mengamalkan In'aamaat Madani dan untuk memperbaiki seluruh umat kita akan mengembara dalam Kafilanah Madani. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ

Maktaba
tul
Madinah

Alami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah, Mahallah Saudagran, Old Sabzi Mandi, Bab-ul-Madinah, Karachi, Pakistan.

☎ +92-21-34921389 to 93, 4126999 Fax: +92-21-34125858

✉ maktabaglobal@dawateislami.net

🌐 Web: www.dawateislami.net